

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

EUP 403 - Peperiksaan Pengurusan

Masa : [2 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat bercetak dan EMPAT (4) soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

1. Syarikat Ace Bhd. sedang dalam proses menyediakan belanjawan bagi tahun 1993. Data-data berikut telah dipetik dari rekod. Anda dikehendaki menyediakan belanjawan tunai bagi bulan-bulan Januari, Februari dan Mac 1992.

- [i] Baki awal tunai 1 hb. Januari dijangka sebanyak \$30,000.00. Belanjawan Jualan adalah seperti berikut:

		\$
November	1992	80,000
Disember	1992	90,000
Januari	1993	75,000
Februari	1993	75,000
Mac	1993	80,000

- [ii] Analisa ke atas rekod menunjukkan penghutang menjelaskan mengikut corak berikut:

60% dalam bulan jualan
25% bulan berikutnya
15% bulan berikutnya

- [iii] Petikan dari belanjawan Belian adalah seperti berikut:

		\$
Disember	1992	60,000
Januari	1993	55,000
Februari	1993	45,000
Mac	1993	55,000

- [iv] Semua belian adalah secara kredit. Pengalaman lalu menunjukkan 90% dibayar dalam bulan berikutan bulan belian dan bakinya dijelaskan dalam bulan yang berikutnya.
- [v] Upah adalah \$15,000 sebulan dan overhead sebanyak \$20,000 sebulan (termasuk susut nilai \$5,000 dibayar tiap-tiap bulan).
- [vi] Cukai sebanyak \$8,000 perlu dijelaskan dalam bulan Februari dan syarikat akan menerima tuntutan insurans sebanyak \$25,000 dalam bulan Mac.

[28 markah]

2. Syarikat Ganjil mempunyai sebuah mesin lama yang mempunyai nilai perlupusan bersih sebanyak \$10,000 sekarang dan \$4,000 pada 5 tahun dari sekarang. Sebuah mesin baru ditawarkan dengan harga \$60,000 tunai atau \$50,000 dengan cara mesin lama ditukarniaga. Mesin baru akan mengakibatkan aliran keluar tunai untuk operasi sebanyak \$40,000 berbanding dengan aliran keluar tunai sebanyak \$50,000 dengan mesin lama. Nilai perlupusan mesin baru 5 tahun kemudiannya adalah \$4,000.

Oleh kerana mesin baru dapat menghasilkan keluaran dengan lebih pantas, pelaburan purata dalam inventori dengan menggunakan mesin baru adalah \$160,000 dan bukannya \$200,000 tingkat inventori sekarang.

Kadar pulangan minimum yang dikehendaki adalah 20%.

Dikehendaki:

- [a] Sediakan satu jadual menunjukkan aliran tunai bersih hasil dari pembelian mesin baru.
- [b] Dengan menggunakan aliran tunai dalam [a] kirakan:
- [i] Tempoh bayar balik
 - [iii] Nilai kini bersih
- [c] Nasihatkan pengurusan samada mereka patut menggantikan mesin lama sekarang.

[27 markah]

3. Syarikat Visi Jauh mengeluarkan satu keluaran. Kos standard seunit ditetapkan oleh Jabatan Perakaunan Kos dan adalah seperti berikut:

Bahan langsung (3 liter pada \$1.25/liter)	3.75
Buruh langsung (5 jam pada \$1.75/jam)	8.75
Overhead kilang (5 jam pada \$0.50/jam)	2.50

	15,000

Pengeluaran standard bagi bulan Februari adalah 3,250 unit. Syarikat sebenarnya mengeluarkan 3,350 unit. Standard bagi buruh langsung adalah 16,075 jam tetapi jam sebenar bekerja adalah 15,075 jam pada kadar \$1.85 sejam. Syarikat telah membeli 12,000 liter pada jumlah kos sebanyak \$13,920. Syarikat telah meminta 11,000 liter untuk pengeluaran.

Dikehendaki:

- [a] Kirakan sisihan-sisihan berikut:

- [i] Sisihan kuantiti bahan langsung
- [ii] Sisihan harga bahan langsung
- [iii] Sisihan kecekapan buruh langsung
- [iv] Sisihan kadar buruh langsung

[20 markah]

- [b] Dengan ringkas huraikan satu sebab yang mungkin bagi setiap sisihan dan tindakan pengurusan yang sesuai berhubung dengannya.

[6 markah]

4. [a] Bezakan antara belanjawan tetap dengan belanjawan boleh lentur.
- [b] Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan dalam penyediaan belanjawan-belanjawan yang berikut:
- [i] Belanjawan kuantiti pengeluaran
 - [ii] Belanjawan Belian Bahan Mentah
- [c] Yang mana di antara item-item berikut relevan dalam keputusan penggantian ?
- Huraikan:
- [i] Nilai buku mesin lama
 - [ii] Nilai perlupusan kelengkapan lama
 - [iii] Kos kelengkapan baru.

[19 markah]

LAMPIRAN 1

Petikan Jadual Nilai KiniKadar 20%

<u>Tempoh</u>	<u>Nilai kini \$1</u>	<u>Nilai kini anuiti biasa \$1</u>
1	0.833	0.833
2	0.694	1.528
3	0.579	2.106
4	0.482	2.589
5	0.402	2.991

-ooo0ooo-